

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SELANGORKINI

TARIKH : 14 NOVEMBER 2021

KERATAN AKHBAR

Kongsi maklumat fenomena kepala air, orang ramai diminta berwaspada

FENOMENA KEPALA AIR **TAHUKAH ANDA?**

APA ITU KEPALA AIR?
Limpahan air deras di kawasan sungai dengan tiba-tiba. Kebiasaanya disebabkan hujan lebat di hulu sungai. Paras air boleh naik sehingga 2 meter dalam tempoh 5-10 minit.

APAKAH TANDA AWAL?
Bunyi seperti letupan kuat sama ada:
- Akar pokok tidak stabil, tanah pecah atau pokok tumbang.

APAKAH PERUBAHAN PADA AIR SUNGAI?
Warna menjadi kehitaman/gelap.
- Berbuih & meningkat tiba-tiba.
- Daun kering, ranting kayu/keladak banyak pada permukaan air.
- Sampah-sarap berkumpul di satu tempat.

ADAKAH KAWASAN SUNGAI DI MALAYSIA BERISIKO TINGGI UNTUK MENGALAMI FENOMENA KEPALA AIR?
Ya, kawasan sungai di Malaysia kebanyakannya berisiko untuk mengalami fenomena ini.

LANGKAH - LANGKAH KESELAMATAN
Orang ramai dinasihatkan sentiasa berwaspada dengan fenomena ini semasa bermandi- manda di kawasan sungai.
Apabila tanda - tanda ini dikesan, anda perlu memastikan diri dan keluarga anda meninggalkan kawasan sungai dengan serta - merta.
Segeralah cari kawasan yang lebih selamat terutamanya kawasan yang lebih tinggi dan jauh dari sungai.

Sumber: Datuk Dr. Md Nasir Md Noh, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (IKAMIM)

f Lembaga Urus Air Selangor @ lembagaurusairselangor @luas_selangor www.luas.gov.my

SHAH ALAM, 14 NOV: Orang ramai dinasihatkan berhati-hati dengan fenomena kepala air dan segera ke kawasan selamat sekiranya berlaku keadaan berkenaan.

Peringatan itu dikongsi Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) menerusi poster dimuat naik di Facebook bagi memberi kefahaman kepada masyarakat.

LUAS memaklumkan segala maklumat diperolehi dari Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia Datuk Dr Md Nasir Md Noh.

Poster berkenaan menjelaskan maksud fenomena kepada air selain tanda awal insiden itu.

Langkah-langkah berwaspada turut dimaklumkan sebagai persediaan sekiranya berdepan situasi berkenaan.